

3.5 Penulisan

Penulisan dibuat secara berterusan hasil dari perolehan data-data dan maklumat dari responden , temubual bersemuka dan dari data sekunder. Pembentangan kertas kajian akan diolah dan dipersembahkan mengikut bahagian- bahagian seperti berikut:

- Bahagian 1 : Pengenalan
- Bahagian 2 : Sorotan Karya Terdahulu
- Bahagian 3 : Metodologi Kajian
- Bahagian 4 : Penganalisan Data dan Penemuan
- Bahagian 5 : Rumusan dan Saranan

4. ANALISIS DAN PENEMUAN KAJIAN

Setelah soal selidik diperolehi daripada responden, proses seterusnya adalah melakukan proses pra-analisis. Proses ini merangkumi pembentukan dan penyediaan data untuk diuji. Tindakan -tindakan berikut telah di ambil dalam melaksanakan proses ini : (1) mengumpul semua jawapan soalselidik, (2) menyemak jawapan dari segi ketepatannya, (3) melaksanakan proses pengkodan, dan (4) penyediaan data asas menggunakan komputer.


4.1 Analisis Demografi Profil Responden

Analisis kajian berdasarkan kepada 150 responden. Profil demografi yang dibentangkan menggunakan kaedah deskriptif dalam perkakasan SPSS berdasarkan maklumbalas responden yang diterima hasil dari soal selidik yang dijalankan. Faktor-faktor yang dibentangkan adalah merangkumi umur, pangkat, jangkamasa perkhidmatan, tahap kelulusan akademik, tahap pendidikan agama dan status perkahwinan responden.

Jadual 2 - Profil Umur Responden

Bll.	Peringkat Umur	Frekuensi	Peratus
1.	Dari 18 hingga 22 tahun	8	5.3
2.	Dari 23 hingga 30 tahun	93	62.0
3.	Dari 31 hingga 40 tahun	49	32.7
4.	40 tahun keatas	-	-
Jumlah		150	100

Sumber: Data diperolehi dari hasil keputusan deskriptif kajiselidik



Peratus Profil Umur Responden


4.1.1 Umur

Dari Jadual 2 di bawah, responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri dari peringkat umur 18 hingga 40 tahun. Majoriti responden iaitu sebanyak 62% (93 anggota) adalah dari peringkat umur 23 hingga 30 tahun, 49% (49 anggota) dari peringkat umur 31 hingga 40 tahun dan 5.3% dari peringkat umur 18 hingga 22 tahun.

Jadual 3 - Profil Jantina Responden

Bil.	Jantina	Frekuensi	Peratus
1.	Lelaki	148	98.7
2.	Wanita	2	1.3
	Jumlah	150	100

Sumber: Data diperolehi dari hasil keputusan deskriptif kajiselidik



Peratus Profil Jantina Responden


4.1.2 Jantina

Dari Jadual 3, pembahagian responden yang terlibat di dalam kajian ini mengikut jantina adalah 98.7% lelaki (148 anggota) dan 1.3% Wanita (2 anggota).

Jadual 4 - Profil Pangkat Responden

Bil.	Kategori Pangkat	Frekuensi	Peratus
1.	Pegawai	24	16.0
2.	PTT Kanan	28	18.7
3.	PTT Rendah	48	32.0
4.	Prebet	50	33.3
Jumlah		150	100

Sumber: Data diperolehi dari hasil keputusan deskriptif kajiselidik



Peratus Profil Pangkat Responden


4.1.3 Pangkat

Dari Jadual 4, pembahagian responden mengikut pangkat adalah Pegawai sebanyak 16% (24 anggota), PTT Kanan sebanyak 18.7% (28 anggota), PTT Rendah sebanyak 32% (48 anggota) dan Prebet sebanyak 33.3% (50 anggota).

Jadual 5 - Profil Jangkamasa Perkhidmatan Responden

Bil.	Jumlah Tahun Perkhidmatan	Frekuensi	Peratus
1.	1 hingga 4 tahun	12	8.0
2.	5 hingga 8 tahun	62	41.3
3.	9 hingga 12 tahun	34	22.7
4.	13 tahun keatas	42	28.0
Jumlah		150	100

Sumber: Data diperolehi dari hasil keputusan deskriptif kajiselidik



Peratus Profil Jangkamasa Perkhidmatan Responden


4.1.4 - Jangkamasa Perkhidmatan

Dari Jadual 5, majoriti responden iaitu sebanyak 41.3% (62 anggota) telah berkhidmat dalam ATM di antara 5 hingga 8 tahun, sebanyak 28% (42 anggota) telah berkhidmat 13 tahun keatas, sebanyak 22.7% (34 anggota) telah berkhidmat di antara 9 hingga 12 tahun dan sebanyak 8% (12 anggota) berkhidmat di antara 1 hingga 4 tahun.

Jadual 6- Profil Tahap Kelulusan Akademik Responden

Bil.	Kelulusan Akademik	Frekuensi	Peratus
1.	Darjah 6/Tingkatan3/SRP	38	25.3
2.	SPM/MCE	89	59.3
3.	STPM/HSC	8	5.3
4.	Diploma keatas	15	10.1
Jumlah		150	100

Sumber: Data diperolehi dari hasil keputusan deskriptif kajiselidik




Peratus Profil Tahap Kelulusan Akademik Responden

4.1.5 - Tahap Kelulusan Akademik

Dari Jadual 6, majoriti responden iaitu sebanyak 59.3% (89 anggota) berkelulusan akademik SPM/MCE, diikuti sebanyak 25.3% (38 anggota) berkelulusan tamat darjah 6/tingkatan 3/SRP, 10% berkelulusan diploma ke atas dan 5.3% berkelulusan STP/HSC.

Jadual 7 - Profil Tahap Pendidikan Agama Responden			
Bil.	Pendidikan Agama	Frekuensi	Peratus
1.	Tiada	2	1.3
2.	Tidak formal/ibubapa	62	41.3
3.	Surau/masjid/pondok	41	27.3
4.	Sekolah agama kerajaan/ persendirian/swasta	45	30.1
Jumlah		150	100

Sumber: Data diperolehi dari hasil keputusan deskriptif kajiselidik



Peratus Profil Tahap Pendidikan Agama Responden


4.1.6 - Tahap Pendidikan Agama

Dari Jadual 7, majoriti responden sebanyak 41.3% (62 anggota) mendapat pendidikan agama secara tidak formal/ibubapa, diikuti sebanyak 30.1% (45 anggota) mendapat pendidikan formal samada melalui sekolah agama kerajaan, persendirian/swasta, 27.3% (41 anggota) melalui masjid/surau/pondok dan 1.3% (seorang anggota) tidak mendapat pendidikan agama langsung.

Jadual 8 - Profil Status Perkahwinan Responden

Bil.	Status Perkahwinan	Frekuensi	Peratus
1.	Bujang	30	20
2.	Kahwin	120	80
3.	Duda/janda	-	-
Jumlah		150	100

Sumber: Data diperolehi dari hasil keputusan deskriptif kajiselidik



Peratus Profil Status Perkahwinan Responden

4.1.7 - Status Perkahwinan

Dari jadual 8, majoriti responden iaitu sebanyak 80% (120 anggota) telah berumah tangga manakala selebihnya sebanyak 20% (30 anggota) masih bujang.

4.2 Analisis Deskriptif

Hasil soal selidik yang diperolehi dalam bentuk bilangan dan peratusan tidak dikepikan tetapi data-data dari soal selidik telah dikumpul/dianalisis dan hasil analisis deskriptif adalah seperti yang dibentangkan jadual-jadual di bawah:

Jadual 9 - Pengetahuan Asas Agama Islam Keseluruhan Responden

Bil	Perkara	Sebelum Tentara		Masakini		Catatan (%)
		Frekuensi	%	Frekuensi	%	
1.	<u>Air</u>					
	Tinggi	22	14.7	38	25.3	+10.6
	Sederhana	106	70.7	98	65.3	-5.4
	Rendah	22	14.7	14	9.4	-5.3
2.	<u>Nails</u>					
	Tinggi	116	72.3	128	85.3	+13.0
	Sederhana	30	20.0	20	12.3	-7.7
	Rendah	4	2.7	2	1.3	-1.4
3.	<u>Mandi Hadas</u>					
	Tinggi	127	84.7	141	94.0	+9.3
	Sederhana	23	15.3	9	6.0	-9.3
	Rendah	0	0	0	0	-
4.	<u>Wuduk</u>					
	Tinggi	50	33.3	56	36.7	+3.4
	Sederhana	91	60.7	92	61.3	+0.6
	Rendah	9	6.0	3	2.0	-4.0
5.	<u>Azan</u>					
	Tinggi	23	15.3	30	20.0	+4.7
	Sederhana	95	63.3	94	62.7	-0.6
	Rendah	32	21.3	26	17.3	-4.0
6.	<u>Solat</u>					
	Tinggi	54	3.6	62	41.3	+5.3
	Sederhana	91	60.7	86	57.3	-3.4
	Rendah	5	3.3	2	1.3	-2.0
7.	<u>Tauhid</u>					
	Tinggi	49	32.7	59	39.3	+6.6
	Sederhana	95	63.3	88	58.7	-4.6
	Rendah	6	4.0	3	2.0	-2.0
8.	<u>Solat Jama'/ Qasar</u>					
	Tinggi	9	6.0	15	10.0	+4.0
	Sederhana	60	40.0	67	44.7	+4.7
	Rendah	81	54.0	68	45.3	-8.7
9.	<u>Tayamum</u>					
	Tinggi	18	12.0	18	12.0	-
	Sederhana	69	46.0	84	56.0	+10.0
	Rendah	63	42.0	48	32.0	-10.0
10.	<u>Haid/Nifas</u>					
	Tinggi	7	4.7	12	8.0	+4.7
	Sederhana	56	37.3	78	52.0	+14.7
	Rendah	87	58.0	60	40.0	-18.0
	Jumlah	150	100	150	100	

Sumber: Data diperolehi dari output SPSS

4.2.1 Tahap Pengetahuan Asas Agama Islam Responden

Pada keseluruhannya, analisis menunjukkan terdapat peningkatan pada tahap pengetahuan asas agama Islam responden masakini berbanding dengan tahap pengetahuan asas agama sebelum berkhidmat dalam tentera.

Berdasarkan kepada keputusan analisis di Jadual 9, untuk bahagian air, responden telah menunjukkan peningkatan dengan berkurangnya peratusan daripada 14.7% kepada 9.4%, bahagian najis daripada 2.7% kepada 1.3%, bahagian wuduk daripada 6% kepada 2%, bahagian azan daripada 21.3% kepada 17.3%. bahagian solat daripada 3.3% kepada 1.3%, bahagian tauhid daripada 4% kepada 2%, bahagian tayamum daripada 42% kepada 32% dan bahagian haid/nifas daripada 58% kepada 40%.

Tahap pengetahuan sederhana juga berubah, kesan daripada peningkatan daripada tahap rendah dan juga peningkatan daripada tahap sederhana ke tahap tinggi. Bahagian air berubah sebanyak 5.4%, bahagian najis berubah sebanyak 7.7%, bahagian mandi hadas berubah sebanyak 9.3%, bahagian wuduk berubah sebanyak 0.6%, bahagian azan berubah sebanyak 0.6%, bahagian solat berubah sebanyak 3.4%, bahagian tauhid berubah sebanyak 4.6%, bahagian solat berubah sebanyak 4.7%, bahagian tayamum berubah sebanyak 10% dan bahagian haid/nifas berubah sebanyak 14.7%.

Oleh kerana perubahan berlaku di kedua-dua tahap, maka tahap pengetahuan tinggi juga turut berubah. Bahagian air telah meningkat sebanyak 10.6%, bahagian najis meningkat sebanyak 13%, bahagian mandi hadas meningkat sebanyak 9.3%, bahagian wuduk meningkat sebanyak 3.4%, bahagian azan meningkat sebanyak 4.7%, bahagian solat meningkat sebanyak 5.3%, bahagian tauhid meningkat sebanyak 6% dan bahagian haid/nifas meningkat sebanyak 4.7%.

Jadual 10 - Analisis Hubungan Profil Umur dan Pembolehubah

Bil	Peringkat umur	Pengetahuan asas agama (Bahagian 1)		Penyertaan aktiviti agama (Bahagian 2)		Penghayatan nilai agama Bahagian 3)		Keberkesanan peranan anggota KAGAT (Bahagian 4)	
		Tahap	F(%)	Tahap	F(%)	Tahap	F(%)	Tahap	F(%)
1.	18-22	R-	1(0.7)	R-	4(2.7)	TS-	5(3.3)	R-	1(0.7)
		S-	5(3.3)	S-	1(0.7)	ST-	3(2.0)	S-	4(2.7)
		T-	2(1.4)	T-	3(2.0)			T-	3(2.0)
Jumlah*		8(5.3)		8(5.3)		8(5.3)		8(5.3)	
2.	23-30	R-	29(19.3)	R-	32(21.3)	TS-	59(39.4)	R-	7(4.7)
		S-	35(23.3)	S-	33(22.0)	ST-	34(22.7)	S-	44(29.3)
		T-	29(19.3)	T-	28(18.7)			T-	42(28.0)
Jumlah*		93(62.0)		93(62.0)		93(62.0)		93(62.0)	
3.	31-40	R-	20(13.3)	R-	22(14.7)	TS-	39(26.0)	R-	5(3.3)
		S-	14(9.3)	S-	16(10.7)	ST-	10(6.7)	S-	25(16.7)
		T-	15(10.0)	T-	11(7.3)			T-	19(12.7)
Jumlah*		49(32.7)		49(32.7)		49(32.7)		49(32.7)	

Sumber: Data diperolehi dari output SPSS

4.2.2 Analisis Hubungan Profil Umur dan Pembolehubah

a. Pengetahuan Asas Agama Islam

Analisis menunjukkan hubungan antara profil umur dengan tahap pengetahuan asas agama masakini. Berdasarkan kepada Jadual 10, menunjukkan terdapat 8 responden dalam peringkat umur 18 hingga 22 tahun. Dari jumlah ini, seorang (12.5%) mempunyai tahap pengetahuan asas agama yang rendah, 5 responden (62.5%) mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana manakala 2 responden (25%) lagi mempunyai tahap pengetahuan asas agama

yang tinggi. Bagi peringkat umur 23 hingga 30 tahun, daripada jumlah keseluruhan 93 responden, 29 responden (31.2%) mempunyai tahap pengetahuan rendah, 35 responden (37.6%) berada di tahap sederhana manakala 29 responden (31.2%) lagi berada di tahap tinggi. Bagi peringkat umur 31 hingga 40 tahun, daripada jumlah keseluruhan 49 responden, 20 responden (40.8%) mempunyai tahap pengetahuan rendah, 14 responden (28.6%) di tahap sederhana, manakala 15 responden (30.6%) lagi mempunyai tahap pengetahuan agama yang tinggi.

b. Penyertaan Aktiviti Agama

Analisis di Jadual 10 menunjukkan hubungan antara profil umur dengan tahap penyertaan aktiviti agama. Bagi peringkat umur 18 hingga 22 tahun, daripada jumlah keseluruhan 8 responden, 4 responden (50%) jarang menyertai/menghadiri aktiviti agama yang dianjurkan di pasukan, seorang responden (12.5%) sederhana dan 3 responden (37.5%) kerap menyertai/menghadiri aktiviti agama yang dianjurkan di pasukan. Bagi peringkat umur 23 hingga 30 tahun, 32 (34.4%) daripada 93 responden jarang hadir, 33 responden (35.5%) berada di tahap sederhana manakala 28 responden (30.1%) lagi kerap hadir. Bagi peringkat umur 31 hingga 40 tahun, 22 (44.9%) daripada 49 responden jarang hadir, 16 responden (32.7%) berada di tahap sederhana, manakala hanya 11 responden (22.4%) sahaja yang kerap hadir.

c. Penghayatan Nilai Agama

Analisis di Jadual 10 menunjukkan hubungan antara profil umur dengan tahap penghayatan nilai agama responden yang cuba diterapkan oleh KAGAT. Bagi peringkat umur 18 hingga 22 tahun, daripada jumlah keseluruhan 8 responden dalam kategori ini, 5 responden (62.5%) tidak setuju (mempunyai nilai yang rendah) dan 3

responden (37.5%) bersetuju (mempunyai nilai agama yang tinggi). Bagi peringkat umur 23 hingga 30 tahun, daripada jumlah keseluruhan 93 responden, sejumlah 59 responden tidak bersetuju manakala 34 responden (36.6%) bersetuju. Bagi peringkat umur 31 hingga 40 tahun pula, daripada jumlah keseluruhan 49 responden, sejumlah 39 responden (76.6%) tidak bersetuju manakala hanya 10 responden (21.4%) yang bersetuju dengan nilai-nilai yang telah digariskan.

d. Keberkesanan Peranan Anggota KAGAT

Analisis di Jadual 10 menunjukkan hubungan antara profil umur responden dengan tahap penilaian mereka terhadap keberkesanan peranan anggota KAGAT. Bagi peringkat umur 18 hingga 22 tahun, seorang (12.5%) daripada 8 responden menyatakan anggota KAGAT tidak memainkan peranannya dengan berkesan, 4 responden (50%) menyatakan di tahap sederhana, manakala 3 responden (37.5%) menyatakan berkesan. Bagi peringkat umur 23 hingga 30 tahun, 7 (7.5%) daripada 93 responden menyatakan tidak berkesan, 44 responden (47.3%) menyatakan di tahap sederhana manakala 42 responden (45.2%) menyatakan berkesan. Bagi peringkat umur 31 hingga 40 tahun, 5 (10.2%) daripada 49 responden menyatakan tidak berkesan, 25 responden (51%) menyatakan di tahap sederhana manakala 19 responden (38.8%) menyatakan berkesan.

Jadual 11- Analisis Hubungan Jantina dan Pembolehubah

Bil	Jantina	Pengetahuan asas agama (Bahagian 1)		Penyertaan aktiviti agama (Bahagian 2)		Penghayatan nilai Bahagian 3)		Keberkesanan peranan anggota KAGAT (Bahagian 4)	
		Tahap	F(%)	Tahap	F(%)	Tahap	F(%)	Tahap	F(%)
1.	Lelaki	R-	50(33.3)	R-	56(37.3)	TS-	101(67.3)	R-	13(8.7)
		S-	53(35.3)	S-	50(33.3)	ST-	47(31.3)	S-	71(47.3)
		T-	45(30.0)	T-	42(28.0)			T-	64(42.7)
Jumlah*		14 8(98.7)		14 8(98.7)		14 8(98.7)		14 8(98.7)	
2.	Wanita	R-	-	R-	2(1.3)	TS-	2(1.3)	R-	-
		S-	1(0.7)	S-	-	ST-	-	S-	2(1.3)
		T-	1(0.7)	T-	-			T-	-
Jumlah*		2(1.3)		2(1.3)		2(1.3)		2(1.3)	

Sumber: Data diperolehi dari output SPSS

4.2.3 Analisis Hubungan Jantina Responden dan Pembolehubah

a. Pengetahuan Asas Agama

Analisis di Jadual 11 menunjukkan bahawa, seramai 50 (33.8%) daripada 148 responden lelaki mempunyai tahap pengetahuan asas agama yang rendah, 53 responden (35.8%) mempunyai tahap pengetahuan sederhana manakala 45 responden (30.4%) mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi. Bagi responden wanita pula, seorang responden (50%) berada ditahap sederhana dan seorang responden (50%) mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi.

b. Penyertaan Aktiviti Agama di Pasukan

Analisis di Jadual 11 menunjukkan hubungan antara jenis jantina dengan keberkesanan peranan anggota KAGAT. Analisis menunjukkan seramai 56 (37.8%) daripada 148 responden lelaki jarang hadir untuk menyertai aktiviti agama di pasukan, 50 responden (33.8%) dengan tahap kehadiran sederhana manakala hanya 42 responden (28.4%) kerap menghadiri aktiviti agama di pasukan. Bagi responden wanita, kedua-dua responden jarang menghadiri aktiviti agama di pasukan.

c. Penghayatan Nilai Agama

Analisis di Jadual 11 menunjukkan hubungan antara jenis jantina dengan keberkesanan peranan anggota KAGAT. Analisis menunjukkan seramai 101(68.2%) daripada 148 responden lelaki tidak bersetuju /tidak menghayati nilai agama yang diterapkan oleh KAGAT dan hanya 47 responden (31.8%) bersetuju bahawa mereka dapat menghayati nilai-nilai agama yang diterapkan oleh KAGAT. Bagi responden wanita pula, didapati kedua-dua responden (100%) tidak bersetuju/tidak menghayati nilai-nilai agama yang diterapkan oleh KAGAT.

d. Keberkesanan Peranan Anggota KAGAT

Analisis di Jadual 11 menunjukkan seramai 13 (8.8%) daripada 148 responden lelaki berpendapat anggota KAGAT tidak berkesan, 71 responden (48%) berpendapat di tahap sederhana manakala 64 responden (43.2%) berpendapat anggota KAGAT telah menjalankan peranannya dengan berkesan. Bagi responden wanita, kedua-dua responden (100%) berpendapat bahawa keberkesanan anggota KAGAT adalah di tahap sederhana.

Jadual 12- Analisis Hubungan Pangkat dan Pembolehubah

Bil	Peringkat Pangkat	Pengetahuan asas agama (Bahagian 1)		Penyertaan aktiviti agama (Bahagian 2)		Penghayatan nilai Bahagian 3)		Keberkesanan peranan anggota KAGAT (Bahagian 4)	
		Tahap	F(%)	Tahap	F(%)	Tahap	F(%)	Tahap	F(%)
1.	Pegawai	R-	2(1.3)	R-	4(2.7)	TS-	12(8.0)	R-	1(0.7)
		S-	10(6.7)	S-	9(6.0)	ST-	12(8.0)	S-	9(6.0)
		T-	12(8.0)	T-	11(7.3)			T-	14(9.3)
		Jumlah*	24(16.0)	24(16.0)	24(16.0)	24(16.0)	24(16.0)		
2.	PTT Kanan	R-	6(4.0)	R-	4(2.7)	TS-	15(10.0)	R-	2(1.3)
		S-	8(5.3)	S-	11(7.3)	ST-	13(8.7)	S-	13(8.7)
		T-	14(9.3)	T-	13(8.7)			T-	13(8.7)
		Jumlah*	28(18.7)	28(18.7)	28(18.7)	28(18.7)	28(18.7)		
3.	PTT Rendah	R-	16(10.7)	R-	23(15.3)	TS-	36(24.0)	R-	5(3.3)
		S-	21(14.0)	S-	15(10.0)	ST-	12(8.0)	S-	23(15.3)
		T-	11(7.3)	T-	10(6.7)			T-	20(13.3)
		Jumlah*	48(32.0)	48(32.0)	48(32.0)	48(32.0)	48(32.0)		
3.	Prebet	R-	26(17.3)	R-	27(18.0)	TS-	40(26.7)	R-	5(3.3)
		S-	15(10.0)	S-	15(10.0)	ST-	10(6.7)	S-	28(18.7)
		T-	9(6.0)	T-	8(5.3)			T-	17(11.3)
		Jumlah*	50(33.3)	50(33.3)	50(33.3)	50(33.3)	50(33.3)		

Sumber: Data diperolehi dari output SPSS

4.2.3 Analisis Hubungan Profile Pangkat dan Pembolehubah

a. Pegetahuan Asas Agama

Analisis di Jadual 12 menunjukkan bahawa, 2 (8.3%) daripada 24 responden pegawai mempunyai tahap pengetahuan asas agama yang rendah, 12 responden (50%) mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi manakala selebihnya seramai 10 responden(41.7%) mempunyai tahap pengetahuan asas agama sederhana. Daripada 28 responden

berpangkat PTT Kanan, 6 responden (21.4%) mempunyai tahap pengetahuan rendah, 14 responden (50%) mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi, manakala selebihnya seramai 8 responden (23.6%) berada ditahap pengetahuan sederhana. Daripada 48 responden yang mewakili PTT Rendah, seramai 16 responden (33.3%) mempunyai tahap pengetahuan yang rendah, 11 responden (23%) mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi, manakala selebihnya seramai 21 responden (48%) berada di tahap pengetahuan sederhana. Bagi kategori pangkat Prebet, 26 (52%) daripada 50 responden mempunyai tahap pengetahuan yang rendah, 9 responden (18%) mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi manakala selebihnya seramai 15 responden (30%) mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana.

b. Penyertaan Aktiviti Agama di Pasukan

Analisis di Jadual 12 menunjukkan daripada keseluruhan kategori pangkat, Prebet menunjukkan penyertaan paling rendah iaitu 27 daripada 50 responden (54%), diikuti oleh PTT Rendah seramai 23 daripada 48 responden (47.9%), Pegawai seramai 4 daripada 24 responden (14.3%) dan PTT Kanan seramai 4 daripada 28 responden (14.3%). Analisis juga menunjukkan PTT Kanan merupakan penyertaan yang tertinggi iaitu seramai 13 daripada 28 responden (46.4%), diikuti oleh Pegawai seramai 11 daripada 24 responden (45.8%), PTT Rendah seramai 10 daripada 48 responden (20.8%) dan Prebet seramai 8 daripada 50 responden (16%).

c. Penghayatan Nilai Agama

Analisis di Jadual 12 menunjukkan bahawa majoriti kategori pangkat Prebet iaitu seramai 40 daripada 50 responden (80%) tidak bersetuju tentang penghayatan nilai agama, diikuti oleh PTT Rendah seramai 36 daripada 48 responden (75%), PTT kanan seramai 15 daripada 28 responden (53.6%) dan akhir sekali Pegawai seramai 12 daripada 24 responden (50%).

d. Keberkesanan Peranan Anggota KAGAT

Analisis di Jadual 12 menunjukkan bahawa Pegawai mempunyai kepercayaan yang paling tinggi terhadap keberkesanan anggota KAGAT iaitu seramai 14 dari 24 responden (58.3%) berpendapat sangat berkesan, diikuti oleh PTT Kanan seramai 13 daripada 28 responden (46.4%), PTT Rendah seramai 20 daripada 48 responden (41.6%) dan akhir sekali Prebet seramai 17 daripada 50 responden (34%)

Jadual 13 - Analisis Hubungan Tahun Khidmat dan Pembolehubah

Bil	Tahun khidmat	Pengetahuan asas agama (Bahagian 1)		Penyertaan aktiviti agama (Bahagian 2)		Penghayatan nilai Bahagian 3)		Keberkesanan peranan anggota KAGAT (Bahagian 4)	
		Tahap	F(%)	Tahap	F(%)	Tahap	F(%)	Tahap	F(%)
1.	1-4 Tahun	R-	5(3.3)	R-	6(4.0)	TS-	7(4.7)	R-	2(1.3)
		S-	4(2.7)	S-	3(2.0)	ST-	5(3.3)	S-	5(3.3)
		T-	3(2.0)	T-	3(2.0)			T-	5(3.3)
		Jumlah*	12(8.0)	12(8.0)	12(8.0)	12(8.0)			
2.	5-8 Tahun	R-	21(14.0)	R-	19(12.7)	TS-	35(23.3)	R-	3(2.0)
		S-	21(14.0)	S-	20(13.3)	ST-	27(18.0)	S-	31(20.7)
		T-	20(13.3)	T-	23(15.3)			T-	28(18.7)
		Jumlah*	62(41.3)	62(41.3)	62(41.3)	62(41.3)			
3.	9-12 Tahun	R-	8(5.3)	R-	12(8.0)	TS-	26(17.3)	R-	4(2.7)
		S-	13(8.7)	S-	14(9.3)	ST-	8(5.3)	S-	17(11.3)
		T-	13(8.7)	T-	8(5.3)			T-	13(8.7)
		Jumlah*	34(22.7)	34(22.7)	34(22.7)	34(22.7)			
3.	13 Tahun keatas	R-	16(10.7)	R-	21(14.0)	TS-	35(23.3)	R-	4(2.7)
		S-	16(10.7)	S-	13(8.7)	ST-	7(4.7)	S-	20(13.3)
		T-	10(4.7)	T-	8(5.3)			T-	18(12.0)
		Jumlah*	42(28.0)	42(28.0)	42(28.0)	42(28.0)			

Sumber: Data diperolehi dari output SPSS

4.2.4 Analisis Hubungan Tahun Berkhidmat dan pembolehubah

a. Pengetahuan Asas Agama Islam

Analisis di Jadual 13 menunjukkan, bahawa tahun khidmat 1 hingga 4 tahun mempunyai tahap pengetahuan asas agama yang paling rendah iaitu 5 daripada 12 responden (41.7%), diikuti oleh tahun khidmat 13 tahun ke atas iaitu 16 daripada 42 responden (38.1%). Tahun khidmat 9 hingga 12 tahun menunjukkan sedikit kematangan di mana hanya 8 daripada 34 responden (23.5%) mempunyai tahap pengetahuan asas agama yang rendah, berbanding dengan seramai 13 daripada 34 responden (38.2%) mempunyai tahap pengetahuan agama yang tinggi. Tahap khidmat 13 tahun ke atas hanya menunjukkan seramai 10 daripada 42 responden (23.8%) mempunyai tahap pengetahuan asas agama yang tinggi.

b. Penyertaan Aktiviti Agama di Pasukan

Analisis di Jadual 13 menunjukkan tahun khidmat 1 hingga 4 tahun mempunyai seramai 6 daripada 12 responden (50%) jarang mengikuti aktiviti agama berbanding hanya 3 daripada 12 responden (25%) kerap mengikuti aktiviti agama. Tahun khidmat 5 hingga 8 tahun menunjukkan 19 daripada 62 responden (30.6%) jarang mengikuti aktiviti agama berbanding 23 daripada 62 responden (37.1%) kerap mengikuti aktiviti agama. Tahun khidmat 9 hingga 12 tahun menunjukkan seramai 12 daripada 34 responden (35.3%) jarang mengikuti aktiviti agama dan seramai 8 responden (23.5%) kerap mengikuti aktiviti agama. Manakala tahun khidmat 13 tahun keatas menunjukkan 21 daripada 42 responden (50%) jarang mengikuti aktiviti agama dan 8 responden (19%) kerap mengikuti aktiviti agama.

c. Penghayatan Nilai Agama

Analisis di Jadual 13 menunjukkan hubungan di antara penghayatan nilai agama dengan tahun khidmat yang berbeza-beza. Tahun khidmat 1 hingga 4 tahun, daripada 12 responden, didapati 7 responden (58.3%) tidak bersetuju bahawa mereka telah dapat menghayati nilai agama dan 5 responden (41.7%) bersetuju bahawa mereka dapat menghayati nilai agama. Tahun khidmat 5 hingga 8 tahun, daripada 62 responden, 35 responden (56.5%) tidak bersetuju bahawa mereka telah dapat menghayati nilai agama dan 27 responden (43.5%) bersetuju bahawa mereka telah dapat menghayati nilai agama. Tahun khidmat 9 hingga 12 tahun, daripada 34 responden, 26 responden (76.5%) tidak bersetuju bahawa mereka dapat menghayati nilai agama dan 8 responden (23.5%) bersetuju bahawa mereka telah dapat menghayati nilai agama. Manakala tahun khidmat 13 tahun keatas, daripada 42 responden, 35 responden (83.3%) tidak bersetuju bahawa mereka dapat menghayati nilai agama dan 7 responden (6.7%) bersetuju bahawa mereka telah dapat menghayati nilai agama.

d. Keberkesanan Peranan Anggota KAGAT

Keputusan tahun khidmat dengan keberkesanan peranan anggota KAGAT seperti di Jadual 13 menunjukkan, tahun khidmat 1 hingga 4 tahun, daripada 12 responden, 2 responden (16.7%) menyatakan tidak berkesan dan 5 responden (41.7%) menyatakan berkesan. Tahun 5 hingga 8 tahun, daripada 62 responden, 3 responden (4.8%) menyatakan tidak berkesan dan 28 responden (38.2%) menyatakan berkesan. Tahun khidmat 9 hingga 12 tahun, daripada 34 responden, 4 responden (11.8%) menyatakan tidak berkesan dan 13 responden (38.2%) menyatakan berkesan. Manakala tahun khidmat 13 tahun keatas, daripada 42 responden, 4 responden (9.5%) menyatakan tidak berkesan dan 18 responden (42.9%) menyatakan berkesan.

Jadual 14 - Hubungan Kelulusan Akademik dan Pembolehubah

Bil	Peringkat Kelulusan Akademik	Pengetahuan asas agama (Bahagian 1)	Penyertaan aktiviti agama (Bahagian 2)	Penghayatan nilai Bahagian 3)	Keberkesanan peranan anggota KAGAT (Bahagian 4)
		Tahap F(%)	Tahap F(%)	Tahap F(%)	Tahap F(%)
1.	Tingkatan 3/SRP	R- 18(12.0) S- 14(9.3) T- 6(4.0)	R- 16(10.7) S- 15(10.0) T- 7(4.7)	TS- 30(20.0) ST- 8(5.3)	R- 4(2.7) S- 15(10.0) T- 19(12.7)
	Jumlah*	38(25.3)	38(25.3)	8(25.3)	38(25.3)
2.	SPM/MCE	R- 29(19.3) S- 32(21.3) T- 28(18.7)	R- 38(25.3) S- 27(18.0) T- 24(16.0)	TS- 61(40.7) ST- 28(18.7)	R- 8(5.3) S- 46(30.7) T- 35(23.3)
	Jumlah*	89(59.3)	89(59.3)	89(59.3)	89(59.3)
3.	STP/HSC	R- 2(1.3) S- 2(1.3) T- 4(2.7)	R- 2(1.3) S- 2(1.3) T- 4(2.7)	TS- 5(3.3) ST- 3(2.0)	R- - S- 2(1.3) T- 6(4.0)
	Jumlah*	8(5.3)	8(5.3)	8(5.3)	8(5.3)
3.	Diploma keatas	R- 1(0.7) S- 6(4.0) T- 8(5.3)	R- 2(1.3) S- 6(4.0) T- 7(4.7)	TS- 7(4.7) ST- 8(5.3)	R- 1(0.7) S- 10(6.7) T- 4(2.7)
	Jumlah*	15(10.0)	15(10.0)	15(10.0)	15(10.0)

Sumber: Data diperolehi dari output SPSS

4.2.5 Analisis Hubungan Kelulusan Akademik dan Pembolehubah

a. Pengetahuan Asas Agama

Analisis di Jadual 14 menunjukkan hubungan antara kelulusan akademik dengan tahap pengetahuan asas agama. Kelulusan SRP, daripada 38 responden, 18 responden (47.4%) mempunyai tahap pengetahuan yang rendah dan 6 responden (15.8%) mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi. Kelulusan SPM/MCE, daripada 89 responden, 29 responden (32.6%) mempunyai tahap yang rendah dan 28 responden (31.5%) mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi. Kelulusan STP/HSC, daripada 8 responden, 2 responden (25%) mempunyai tahap yang rendah dan 4 responden (50%) mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi. Manakala kelulusan Diploma ke atas, daripada 15 responden, seorang (6.7%) mempunyai tahap pengetahuan yang rendah, sementara 8 responden (53.3%) mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi.

b. Penyertaan Aktiviti Agama di Pasukan

Analisis di Jadual 14 menunjukkan hubungan antara kelulusan akademik dengan tahap penyertaan aktiviti agama di pasukan. Kelulusan SRP, daripada 38 responden, 16 responden (42.1%) jarang menyertai aktiviti agama dan 7 responden (18.4%) kerap menyertai aktiviti agama. Kelulusan SPM/MCE, daripada 89 responden, 38 responden (42.7%) jarang menyertai aktiviti agama dan 24 responden (27%) kerap mengikuti aktiviti agama. Kelulusan STP/HSC, daripada 8 responden, 2 responden (25%) jarang mengikuti aktiviti agama dan 4 responden (50%) kerap mengikuti aktiviti agama. Manakala kelulusan Diploma ke atas, daripada 15 responden, 2 responden (33.3%) jarang mengikuti aktiviti agama dan 7 responden (46.7%) kerap menyertai aktiviti agama.

c. Penghayatan Nilai Agama

Analisis di Jadual 14 menunjukkan hubungan kelulusan akademik dengan tahap penghayatan nilai yang ingin diserapkan oleh KAGAT. Untuk kelulusan SRP, daripada 38 responden, 30 responden (78.9%) tidak bersetuju dan 8 responden (21.1%) bersetuju. Kelulusan SPM/MCE, daripada 89 responden, 61 responden (68.5%) tidak bersetuju dan 28 responden (31.5%) bersetuju. Untuk kelulusan STP/HSC, daripada 8 responden, 5 responden (62.5%) tidak bersetuju dan 3 responden (37.5%) bersetuju. Manakala kelulusan Diploma keatas daripada 15 responden, 7 responden (46.7%) tidak bersetuju dan 8 responden (53.3%) bersetuju.

d. Keberkesanan Peranan Anggota KAGAT

Analisis di Jadual 14 menunjukkan hubungan kelulusan akademik dengan tahap keberkesanan peranan anggota KAGAT. Untuk kelulusan SRP, daripada jumlah keseluruhan 38 responden, 4 responden (10.5%) menyatakan anggota KAGAT tidak memainkan peranan dengan berkesan, 15 responden (39.5%) menyatakan di tahap sederhana, manakala majoriti 19 responden (50%) menyatakan berkesan. Bagi kategori kelulusan SPM/MCE, daripada jumlah keseluruhan 89 responden 8 responden (9%) menyatakan tidak berkesan, majoriti seramai 46 responden (51.7%) menyatakan di tahap sederhana manakala hanya 35 responden (39.3%) menyatakan berkesan. Bagi kategori kelulusan STP/HSC, daripada jumlah keseluruhan 8 responden, 2 responden (25%) menyatakan di tahap sederhana manakala majoriti 6 responden (75%) menyatakan berkesan. Bagi kategori kelulusan Diploma ke atas pula, daripada jumlah keseluruhan 15 responden, seorang (6.7%) menyatakan tidak berkesan, majoriti 10 responden (67.2%) menyatakan di tahap sederhana manakala hanya 4 responden (26.1%) menyatakan berkesan.

Jadual 15 - Hubungan Pendidikan Agama dan Pembolehubah

Bil	Tahap Pendidikan Agama	Pengetahuan asas agama (Bahagian 1)	Penyertaan aktiviti agama (Bahagian 2)	Penghayatan nilai Bahagian 3)	Keberkesanan peranan anggota KAGAT (Bahagian 4)
		Tahap F(%)	Tahap F(%)	Tahap F(%)	Tahap F(%)
1.	Tiada Langsung	R- - S- 1(0.7) T- 1(0.7)	R- 1(0.7) S- - T- 1(0.7)	TS- 1(0.7) ST- 1(0.7)	R- - S- - T- 2(1.3)
	Jumlah*	2(1.3)	2(1.3)	2(1.3)	2(1.3)
2.	Rumah/ Tidak Formal	R- 31(20.7) S- 17(11.3) T- 14(9.3)	R- 30(20.0) S- 18(12.0) T- 14(9.3)	TS- 46(30.7) ST- 16(10.7)	R- 3(2.0) S- 32(21.3) T- 27(18.0)
	Jumlah*	62(41.3)	62(41.3)	62(41.3)	62(41.3)
3.	Surau/ Masjid/ Pondok	R- 14(9.3) S- 19(12.7) T- 4(2.7)	R- 10(6.7) S- 15(10.0) T- 16(10.7)	TS- 25(16.7) ST- 16(10.7)	R- 18(12.0) S- 18(12.0) T- 6(4.0)
	Jumlah*	41(27.3)	41(27.3)	41(27.3)	41(27.3)
4.	Sek Agama Kerajaan/ Swasta	R- 11(7.3) S- 17(11.3) T- 17(11.3)	R- 17(11.3) S- 17(11.3) T- 11(7.3)	TS- 31(20.7) ST- 14(9.3)	R- 5(3.3) S- 23(15.3) T- 17(11.3)
	Jumlah*	45(30.0)	45(30.0)	45(30.0)	45(30.0)

Sumber: Data diperolehi dari output SPSS

4.2.6 Hubungan Tahap Pendidikan Agama dan Pembolehubah

a. Pengetahuan Asas Agama

Analisis di Jadual 15 menunjukkan hubungan antara tahap pendidikan agama dengan tahap pengetahuan asas agama. Daripada 2 responden

yang tiada langsung mempunyai pendidikan agama, tahap pengetahuan asas agama mereka telah meningkat, seorang ke tahap sederhana dan seorang ke tahap tinggi. Daripada 62 responden yang mendapat pendidikan tidak formal, 31 responden (50%) mempunyai tahap pengetahuan asas yang rendah, 14 responden (22.6%) mempunyai pengetahuan yang tinggi. Untuk yang menerima pendidikan disurau/masjid, daripada 41 responden, 14 responden (34.1%) adalah rendah dan 4 responden (9.8%) mempunyai tahap pengetahuan asas yang tinggi. Bagi yang mendapat pendidikan di sekolah agama kerajaan / swasta, daripada 45 responden, 11 responden (24.4%) mempunyai tahap pengetahuan asas yang rendah dan 17 responden (37.8%) mempunyai tahap pengetahuan asas agama yang tinggi.

b. Penyertaan Aktiviti Agama di Pasukan

Analisis di Jadual 15 menunjukkan hubungan antara tahap pendidikan agama dengan kekerapan responden menyertai aktiviti agama. Untuk kumpulan yang tiada langsung mempunyai pendidikan agama, daripada 2 responden, seorang didapati jarang dan seorang lagi kerap menyertai aktiviti agama. Bagi kumpulan yang mendapat pendidikan secara tidak formal, daripada 62 responden, 30 responden (48.4%) didapati jarang hadir dan 14 responden (62.6%) didapati kerap mengikuti aktiviti agama. Bagi yang mendapat pendidikan disurau/masjid, daripada 41 responden, 14 responden (34.1%) didapati jarang hadir, dan 16 responden (39%) kerap mengikuti aktiviti agama. Bagi yang mendapat pendidikan di sekolah agama kerajaan/swasta, daripada 45 responden, 11 responden (24.4%) didapati jarang hadir dan 17 responden (37.8%) didapati kerap mengikuti aktiviti agama.

c. Penghayatan Nilai Agama

Analisis di Jadual 15 menunjukkan hubungan antara tahap pendidikan agama dengan tahap penghayatan nilai yang ingin diserapkan oleh

KAGAT. Bagi yang tiada langsung mempunyai asas pendidikan agama, daripada 2 responden, seorang bersetuju dan seorang tidak bersetuju. Bagi yang mendapat pendidikan tidak formal, daripada 62 responden, 46 responden (74.2%) tidak bersetuju dan 16 responden (25.8%) bersetuju. Bagi yang mendapat pendidikan di surau/masjid/pondok, daripada 41 responden, 25 responden (61%) tidak bersetuju dan 16 responden (39%) bersetuju. Manakala yang menerima pendidikan agama di sekolah kerajaan/swasta, daripada 45 responden, 31 responden (68.9%) tidak bersetuju dan 14 responden (31.1%) bersetuju.

d. Keberkesanan Peranan Anggota KAGAT

Analisis di Jadual 15 menunjukkan hubungan antara tahap pendidikan agama dengan tahap keberkesanan peranan anggota KAGAT. Bagi responden yang tiada langsung mempunyai pendidikan asas agama, daripada jumlah keseluruhan 2 responden, kedua-duanya menyatakan anggota KAGAT telah memainkan peranannya dengan berkesan. Bagi yang mendapat pendidikan secara tidak formal, daripada jumlah keseluruhan 62 responden, 3 responden (4.8%) menyatakan tidak berkesan, majoriti 32 responden (51.7%) menyatakan di tahap sederhana, manakala hanya 27 responden (43.5%) menyatakan berkesan. Bagi yang mendapat pendidikan di surau/masjid/pondok, daripada jumlah keseluruhan 41 responden, 18 responden (43.9%) menyatakan tidak berkesan, 18 responden (43.9%) menyatakan di tahap sederhana manakala hanya 6 responden (14.6%) menyatakan berkesan. Bagi yang mendapat pendidikan di sekolah agama kerajaan/swasta, daripada jumlah keseluruhan 45 responden, 5 responden (11.1%) menyatakan tidak berkesan, majoriti 23 responden (51.1%) menyatakan di tahap sederhana manakala hanya 17 responden (37.8%) menyatakan berkesan.

Jadual 16 - Analisis Hubungan Status Perkahwinan dan Pembolehubah

Bil	Status Perkahwinan	Pengetahuan asas agama (Bahagian 1)	Penyertaan aktiviti agama (Bahagian 2)	Penghayatan nilai (Bahagian 3)	Keberkesanan peranan anggota KAGAT (Bahagian 4)
		Tahap F(%)	Tahap F(%)	Tahap F(%)	Tahap F(%)
1.	Kahwin	R- 40(26.7)	R- 47(31.3)	TS- 83(55.3)	R- 10(6.7)
		S- 43(28.7)	S- 43(28.7)	ST- 37(24.7)	S- 57(38.0)
		T- 37(24.7)	T- 30(20.0)		T- 53(35.3)
	Jumlah*	120(80.0)	120(80.0)	120(80.0)	120(80.0)
2.	Bujang	R- 10(6.7)	R- 11(7.3)	TS- 20(13.3)	R- 3(2.0)
		S- 11(7.3)	S- 7(4.7)	ST- 10(6.7)	S- 16(10.7)
		T- 9(6.0)	T- 12(8.0)		T- 11(7.3)
	Jumlah*	30(20.0)	30(20.0)	30(20.0)	30(20.0)

Sumber: Data diperolehi dari output SPSS

4.2.7 Analisis Hubungan Status Perkahwinan dan Pembolehubah

a. Pengetahuan Asas Agama

Analisis di Jadual 16 menunjukkan hubungan antara status perkahwinan dengan tahap pengetahuan asas agama. Kumpulan yang telah berkahwin, daripada 120 responden, 40 responden (33.3%) mempunyai tahap pengetahuan asas agama yang rendah, dan 37 responden (30.8%) mempunyai tahap pengetahuan asas agama yang tinggi. Bagi kumpulan bujang, daripada 30 responden, 10 responden (33.3%) mempunyai tahap yang rendah dan 9 responden (30%) mempunyai tahap pengetahuan asas yang tinggi.

b. Penyertaan Aktiviti Agama di Pasukan

Analisis di Jadual 16 menunjukkan hubungan antara status perkahwinan dengan kekerapan penyertaan aktiviti agama di pasukan. Kumpulan yang telah berkahwin, daripada 120 responden, 47 responden (39.2%) didapati jarang mengikuti aktiviti agama dan 30 responden (25%) didapati kerap menyertai aktiviti agama. Bagi kumpulan bujang, daripada 30 responden, 11 responden (36.7%) didapati jarang mengikuti aktiviti agama dan 12 responden (40%) kerap mengikuti aktiviti agama.

c. Penghayatan Nilai Agama

Analisis di Jadual 16 menunjukkan hubungan antara status perhubungan dengan tahap penghayatan nilai yang ingin disampaikan oleh KAGAT. Bagi yang telah berkahwin, daripada 120 responden, 83 responden (69.2%) tidak bersetuju dan 37 responden (31.8%) bersetuju. Kumpulan bujang, daripada 30 responden, 20 responden (66.7%) tidak bersetuju dan 10 responden (33.3%) bersetuju.

d. Keberkesanan Peranan Anggota KAGAT

Analisis di Jadual 16 menunjukkan hubungan antara status perkahwinan dengan tahap keberkesanan peranan anggota KAGAT. Bagi yang telah berkahwin, daripada 120 responden, 10 responden (8.3%) menyatakan tidak berkesan dan 53 responden (44.2%) menyatakan berkesan. Bagi kumpulan bujang, daripada 30 responden, 3 responden (10%) menyatakan tidak berkesan dan 11 responden (36.7%) menyatakan berkesan.